

WHO diminta tukar nama cacar monyet

Amerika Syarikat: New York meminta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menamakan semula virus cacar monyet bagi mengelakkan stigma pesakit yang berkemungkinan menanggung rawatan penyakit itu.

Pesuruhjaya Kesihatan Awam New York City, Ashwin Vasan, berkata pihaknya melihat lebih banyak kes penyakit itu yang diisytiharkan oleh WHO sebagai kecemasan kesihatan global pada hujung minggu lalu, berbanding bandar lain di Amerika Syarikat (AS) dengan 1,092 jangkitan dikesan setakat ini.

"Kami mempunyai kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kesan yang berpotensi memusnahkan dan mencemarkan yang boleh menyebabkan 'mesej' mengenai cacar monyet terhadap komuniti yang sudah terdedah," katanya dalam surat kepada Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus.

WHO kini sedang menilai untuk menukar nama virus berkenaan pada sidang media bulan lalu, cadangan Vasan disebut dalam suratnya.

Vasan merujuk 'sejarah yang menyakitkan dan perkauman di

mana terminologi seperti cacar monyet berakar umbi untuk komuniti warna'.

Dia juga menunjukkan fakta cacar monyet sebenarnya tidak berasal daripada primata seperti namanya dan mengimbas kembali kesan negatif mengenai maklumat salah ketika awal wabak HIV dan perkauman dihadapi oleh masyarakat Asia yang diburukkan lagi oleh bekas Presiden Donald Trump memanggil COVID-19 sebagai 'virus China'.

"Terus menggunakan istilah cacar monyet untuk menggambarkan wabak semasa mungkin mencetuskan semula perasaan traumatik perkauman dan stigma ini, terutama untuk orang kulit hitam dan orang kulit berwarna lain.

"Ada kemungkinan mereka mungkin mengelak daripada terlibat dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan penting kerana itu," kata Vasan.

Sesiapa saja boleh terdedah kepada jangkitan cacar monyet yang sudah lama menjadi endemik di Afrika Tengah dan Barat, tetapi setakat ini penyebarannya di Eropah dan AS kebanyakannya tertumpu dalam kalangan lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki lain.